

PENAFSIRAN SHEIKH AHMAD MUSTAFA AL MARĀGHĪ BERKAITAN SIFAT-SIFAT ALLAH DALAM *TAFSĪR AL- MARĀGHĪ*: SATU ANALISIS

**Anuar Sopian¹, Nur Asyikeen Kamarudin¹, Fazlinda Hamzah¹,
& Mohd Azlan Shah Sharifudin¹**

E-JITU

Acceptance date:
15 January 2021

Valuation date:
15 February 2021

Publication date:
30 April 2021

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah kaedah dan ciri-ciri penulisan Tafsir al-Marāghī dan bagaimanakah pemikiran Sheikh Ahmad Mustafā al-Marāghī dalam mentafsirkan ayat-ayat tentang sifat-sifat Allah dalam kitab tafsirnya itu. Selain itu apakah penyebab yang mendorongnya untuk mentafsirkan ayat-ayat tersebut. Metod pengumpulan data kajian ini dengan menggunakan kajian perpustakaan. Manakala metod analisis data pula menggunakan kaedah deduktif dan analisis dokumen melalui karya Tafsir al-Maraghi itu sendiri. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penafsiran Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī dalam menganalisis sifat-sifat Allah s.w.t yang ada di dalam al-Quran cenderung dengan pemikiran aliran Muktażilah. Semua sifat-sifat Allah adalah baik dan mengandungi kemaslahatan untuk semua umat manusia. Selain itu, dalam permasalahan yang berkaitan dengan ayat-ayat tajsīm (berjisim) Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī memberikan penafsiran yang sama dengan penafsiran yang diberikan oleh aliran teologi rasional dengan mentakwilkan kata-kata 'ain, wajh, yad dan yamīn. Beliau tidak menafsirkannya secara harfiah seperti yang dilakukan oleh aliran teologi tradisional. Seterusnya dalam menafsirkan perkataan istawa 'ala 'arsy, Sheikh al-Marāghī dilihat agak keberatan untuk mentakwilkannya lebih jauh tetapi tidak menyamakan istawa Allah dengan istawa manusia kerana bimbang terjerumus kepada tasybīh dan tajsīm.

Kata Kunci: Penafsiran ayat, sifat Allah, aliran kalam dan takwil

¹ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah, email: asyikeen@uitm.edu.my.

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah kalam Allah s.w.t yang dibawa oleh malaikat Jibrail kepada nabi Muhammad SAW, penutup para nabi dan rasul sebagai petunjuk (*hidāyah*) untuk seluruh manusia. Ia datang sebagai mukjizat yang kekal sepanjang zaman.

Tiada suatu pun yang dapat menandingi kemukjizatnya sama ada dari sudut susunan kata, gaya bahasa mahupun dari sudut kesempurnaan syariat, falsafah, ilmu pengetahuan dan perumpamaan-perumpamaan yang terkandung di dalamnya (Muhammad Ismail, 1977, ms.12).

Antara kandungan al-Quran yang paling utama adalah berkaitan keimanan dan ketauhidan seterusnya yang berkaitan dengan permasalahan ibadah. Hal ini terbukti dengan data yang dikemukakan oleh Haron Nasution (1987) bahawa 86 dari 114 surah dalam al-Quran adalah merupakan surah makkiyyah dan selebihnya adalah surah madaniyyah. Jika dilihat dari sudut ayat pula, 4780 ayat atau 76.65% dari keseluruhan al-Quran adalah terdiri dari ayat-ayat makkiyyah yang merupakan tiga perempat dari isi al-Quran. Oleh itu sebahagian besar darinya mengandungi keterangan berkaitan pencipta alam semesta, sifat-sifat Allah s.w.t, iman, kufur, Islam, nifaq, syirik, hidayah, syurga, neraka, kitab-kitab sebelum Al-Quran dan para nabi dan rasul sebelum nabi Muhammad s.a.w (Haron, 1983, ms. 26-27).

Maka tidak menghairankan apabila penafsiran al-Quran selalu berkembang sejak al-Quran diturunkan hingga sekarang. Munculnya berbagai kitab tafsir yang sarat dengan berbagai macam metodologi dan pendekatan yang digunakan pentafsir adalah merupakan bukti nyata bahwa upaya untuk menafsirkan al-Quran tidak pernah berhenti. Hal ini merupakan umat Islam pada umumnya ingin selalu menjadikan al-Quran sebagai petunjuk dalam menjalani kehidupan dan mengembangkan peradaban. Proses dialektik antara teks yang terbatas dan konteks yang tidak terbatas itulah sebenarnya yang menjadi pencetus terhadap perkembangan tafsir al-Quran (Ratnar, 2018, ms.14).

PERNYATAAN MASALAH

Masalah ayat-ayat yang berkaitan dengan zat dan sifat Allah s.w.t dalam al-Quran sering menimbulkan kontroversi oleh kebanyakan di kalangan ulama *mutakallimin*. Hal ini telah mula dibincangkan pada abad kedua hijrah oleh Jahm bin Safwan (m.127H). Kemudiannya ia menjadi perdebatan yang hebat antara muktazilah, Asy'ariyyah dan Māturidiyyah dalam perspektif ilmu kalam (Wolfson, 1976, ms. 206-207).

Persoalan yang timbul adakah Allah s.w.t mempunyai sifat atau tidak?. Jika sekiranya Allah s.w.t mempunyai sifat, adakah sifat-sifat Allah itu bersifat kekal (*qadim*) sebagaimana kekalnya zat Allah s.w.t? Ataupun zatnya Allah s.w.t itu

baharu dimilikiNya selepas kewujudanNya?. Terdapat banyak ayat-ayat di dalam al-Quran yang membicarakan Allah s.w.t mempunyai sifat. Antaranya termasuklah Allah bersifat Amat Mengetahui (*'Alim*), Berkuasa (*Qadīr*), Mendengar (*Samīr*), Melihat (*Bashīr*) dan sebagainya.

Implikasi daripada perbincangan mengenai ayat-ayat sifat, terlahirlah pemahaman dan mazhab yang pelbagai, masing-masing membicarakan topik ayat sifat dan hadis sifat menurut pemahaman dan tafsiran yang memihak kepada mazhab yang dianuti bersandarkan dalil dan hujah sokongan.

Menurut Imām Badr al-Dīn al-Zarkāsyī, tiga mazhab utama yang banyak membincangkan topik ayat-ayat sifat iaitu *Mu'attilah*, *Musyabbihah* dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Mazhab *Mu'attilah* menafikan sifat Allah. Menurut Ibn Taymiyyah *Mu'attilah* adalah segolongan yang menafikan sifat-sifat Allah s.w.t ataupun mengingkari kesahihan yang dinyatakan menerusi al-Qur'an atau Hadith Sahih. Manakala al-Isfarayini dan al-Baghdadi membahagikan Mazhab *Mu'attilah* kepada hampir dua puluh firqah, tiap satunya menafikan sifat-sifat keesaan Allah s.w.t. Antara mazhab tersohor yang dikelaskan sebagai *al-Mu'attilah* adalah Muktazilah. Mazhab kedua adalah *Musyabbihah* dan *Mujassimah*. Mazhab ini meng*ithbatkan* jisim pada Allah sebagaimana makhluk. Mereka menerima ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan zahir lafaz semata-mata yang secara tidak langsung memberi gambaran jisim terhadap Allah s.w.t.

Mazhab seterusnya adalah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Mazhab ini dikatakan sebagai mazhab pertengahan di antara *naflī* dan *ithbāt*. Berbeza dengan penafian yang dibuat Muktazilah, berbeza juga dengan *ithbāt* yang diperkenalkan *al-Hasyawiyah al-Mujassimah*. Mazhab *Ahl al-Sunnah* yang dibawa al-Asy'ari telah menetapkan bagi Allah, sifat yang selayaknya bagi zāt dan sifat-sifatNya. Segala sifat yang dimiliki Allah s.w.t sama sekali tidak ada persamaannya dengan sifat makhluk walaupun dithabitkan bagi Allah sifat sebagaimana sifat makhluk. Mazhab ini terbahagi kepada dua golongan, pertamanya menerima aliran salaf, keduanya yang menerima aliran khalaf.

Sehubungan dengan pelbagai pemikiran dan aliran mazhab ini maka penafsiran al-Quran terutamanya dalam menafsirkan ayat-ayat yang berkaitan dengan aqidah memperlihatkan kecenderungan para pentafsirnya. Sebagai contohnya pendirian al-Imam Fakhrudin al-Razi dalam memperkatakan ayat-ayat sifat di dalam kitab tafsirnya yang terkenal iaitu Tafsir al Kabir, adalah berbeza dengan apa yang diperjuangkan Ibn Taimiyyah. Beliau mengaplikasikan metod khalaf dengan mentakwil keseluruhan ayat-ayat sifat dan menonjolkan aliran ini dalam pentafsiran al-Qur'an.

Oleh hal yang demikian, timbulnya persoalan bagaimanakah pentafsiran dari Tafsir Al-Marāghī berkaitan sifat-sifat Allah s.w.t tersebut. Hal ini disebabkan

tafsir ini adalah sebahagian dari rujukan utama dalam mentafsirkan al-Quran khususnya di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini membahaskan tentang apakah latar belakang Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi, kaedah dan ciri-ciri penulisan tafsirnya. Selain itu kajian ini juga bagi mengenalpasti bagaimanakah pemikiran beliau dalam menafsirkan ayat-ayat tentang sifat-sifat Allah s.w.t dan apakah penyebab yang mendorong beliau dalam menafsirkan ayat-ayat tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Metod pengumpulan data dilakukan melalui kajian perpustakaan. Manakala metod analisis data pula dilakukan secara deduktif iaitu membentuk konsep khusus dari sebuah pernyataan yang umum (Chua, 2011). Pemikiran Sheikh Ahmad Mustafa al-Maraghi dalam mentafsirkan ayat-ayat sifat diperoleh dengan meneliti secara langsung kitab tafsirnya yang bernama Tafsir al-Maraghi.

LATAR BELAKANG SHEIKH AHMAD MUSTAFA AL-MARĀGHĪ

Nama beliau ialah Ahmad Mustafa bin Mustafa bin Muhammad bin Abdul Mun'im Al-Qadi Al-Marāghi. Lahir pada tahun 1300H/1883H di Kota al-Maragah (Adil, 1988, ms. 80). Sebutan atau *nisbah* al-Marāghi bukanlah ada kaitan dengan keluarganya atau suku tertentu. Bahkan ia adalah dinisbahkan kepada kota al-Maragah tempat kelahirannya itu. Beliau memulakan pengajian al-Quran di sebuah Madrasah di kampungnya dan berjaya menghafaz Al-Quran ketika itu usianya belum sampai 13 tahun. Di situ juga beliau belajar ilmu yang berkaitan dengan tajwid dan asas-asas ilmu syariah sehinggalah menamatkan pengajiannya di peringkat menengah (Abdullah Mustafa, 1965, ms. 202).

Pada tahun 1314H/1897M beliau diarah oleh kedua orang tuanya meninggalkan Kota al-Maragah supaya pergi ke Kairo untuk melanjutkan pelajarannya di Universiti Al-Azhar. Di sinilah beliau banyak mempelajari ilmu-ilmu berkaitan bahasa Arab, *balaghah*, *tafsir*, *ulum al-Quran*, *ulum al-Hadis*, *feqh*, *usul feqh*, *akhlak* dan ilmu *falaq*. Di samping itu juga beliau juga pernah belajar di Darul Ulum Kairo dan menghabiskan pengajiannya di kedua-dua buah institusi pada tahun 1909M. Di antara guru-guru beliau ialah Sheikh Muhammad Abduh, Sheikh Muhammad Hassan al-A'dawi, Sheikh Muhammad Bahis al-Muth'i dan Sheikh Muhammad Rifa'i al-Fayuni (Umar, 1961, ms. 319).

Beliau memulakan pekerjaannya sebagai seorang guru di beberapa buah sekolah menengah setelah beliau menamatkan pengajiannya. Seterusnya dilantik sebagai pengarah di Madrasah Mua'llimin di Fayun. Pada tahun 1916 beliau dilantik sebagai pensyarah utusan dari Universiti al-Azhar ke Sudan bagi mengajar ilmu-ilmu syaria'ah. Beliau sempat mengarang beberapa buku ilmiah sepanjang berada di Sudan antaranya ialah *Ulum Balaghah* (Abdullah Mustafa, 1965, ms. 203). Pada tahun 1920 kembalinya ke Mesir, beliau dilantik sebagai pensyarah bahasa Arab dan pengajian Syari'ah di Darul 'Ulum hinggalah tahun 1940. Di samping itu beliau juga sebagai pensyarah Ilmu *Balaghah* di Fakulti Adab Universiti al-Azhar (Abdul, 1985, ms.114).

Setahun sebelum beliau meninggal dunia, beliau telah diberikan kepercayaan sebagai pengetua di Madrasah Usman Mahir Basya di Kairo. Beliau meninggal dunia pada 9 Julai 1952/1371H di kediamannya dan dikebumikan di tanah perkuburan keluarganya di Hilwan lebih kurang 25 kilometer di sebelah selatan Kairo.

KAEDAH PENULISAN TAFSĪR AL-MARĀGHĪ

Jika dibandingkan dengan tafsir-tafsir lain, beliau didapati menggabungkan beberapa kaedah dalam penulisan kitab tafsirnya dan mengembangkan salah satu unsur penafsiran baru, yakni memisahkan antara penjelasan global (*ijmali*) dan penjelasan secara terperinci (*tahlīlī*). Namun begitu corak penafsirannya sama dengan *Tafsir al-Manar* dan *Tafsir al-Wādhī* iaitu dengan memilih corak *adabi al-ijtimā'i*.

Selain itu tafsir ini menggunakan sumber yang sangat komprehensif, iaitu al-Quran, hadis, ra'yu, dan riwayat. Dari aspek penjelasannya, tafsir ini membandingkan ayat dengan ayat yang lain dalam tema yang sama, menafsirkan ayat dengan hadis. Selain itu menjelaskan pendapat-pendapat dengan menonjolkan perbezaan-perbezaan pendapat di kalangan mereka (Imas, 2018, ms. 140).

CIRI-CIRI PENULISAN TAFSĪR AL-MARĀGHĪ

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi telah mengemukakan ciri-ciri penulisannya di dalam mukaddimah kitabnya iaitu:

1. Mengemukakan ayat-ayat di awal perbahasan.
2. Menjelaskan kosa kata (*Syarh Mufradāt*).
3. Menjelaskan pengertian ayat secara umum.
4. Menjelaskan sebab-sebab turun ayat (*asbābun nuzūl*).

5. Meninggalkan penafsiran istilah-istilah yang berkaitan dengan ilmu-ilmu lain. (*nahu, soraf, balāghah* dan lain-lain).
6. Menggunakan gaya bahasa yang sesuai pada zamannya.
7. Memilih cerita-cerita yang benar-benar terbukti kebenarannya yang tidak ada unsur-unsur *israiliyyat* untuk di masukkan dalam kitab tafsirnya.

PENAFSIRAN AL-MARĀGHĪ TERHADAP AYAT-AYAT BERKAITAN SIFAT-SIFAT ALLAH S.W.T

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī mengakui tentang adanya *asma' al husna* (nama-nama yang baik) bagi Allah s.w.t yang bersifat dengan sifat-sifat tersebut dan tiada sekutu bagi Allah dalam sifat-sifat tersebut. Sifat-sifat tersebut adalah rahsia keagungan dan kebesaran Allah s.w.t selaku pencipta alam semesta (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 10, ms. 58). Begitulah ulasan Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī ketika menafsirkan ayat 22-24 surah Al-Hasyr yang di dalamnya menyebut beberapa nama Allah (*asma' al husna*). Firman Allah s.w.t:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيَّمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ هُوَ اللَّهُ
الْحَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: Dialah Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Dialah Allah, tiada Tuhan melainkan Dia; Yang Menguasai; Yang Maha Suci; Yang Maha Sejahtera; Yang Melimpahkan Keamanan; Maha Pengawal; Maha Kuasa; Maha Kuat; Memiliki segala Kebesaran. Maha Suci Allah dari segala yang mereka sekutukan. Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan; Yang Membentuk rupa; bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya; bertasbih kepada-Nya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dialah Yang tidak ada tolok bandingnya, lagi Maha Bijaksana.

Dalam hal ini sekalipun Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī mengakui adanya sifat-sifat Allah s.w.t secara umum namun beliau tidak menegaskan apakah sifat-sifat Allah s.w.t berada di dalam zatNya atau berada di luar zatNya. Selain itu beliau juga tidak menyebut apakah sifat-sifat Allah SWT itu *qadim* dan kekal seperti zatNya atau sebaliknya (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 3, ms. 205).

Beliau juga merumuskan bahawa Allah s.w.t suci dari sebarang bentuk kekurangan. Allah SWT menurut beliau adalah suci dari apa jua pun sifat-sifat seperti yang disebut oleh golongan musyrikin seperti beranak dan bersekutu dengan sesuatu. Begitulah penafsiran beliau ketika menafsirkan ayat yang ke 100 surah al-An'am. Firman Allah SWT:

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ وَخَرَقُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُصِفُونَ

Maksudnya: Dan mereka menjadikan jin sebagai sekutu Allah, padahal Dia (Allah) yang menciptakan mereka (jin-jin). Dan mereka mengadakan bagi Allah anak-anak lelaki dan perempuan, (mereka berbuat demikian) tanpa pengetahuan. Subhanahu (Maha Suci Dia/Allah), dan Ta'ala (Maha Tinggi) daripada apa yang mereka sifatkan (surah Al-An'am:100).

Dalam menafsirkan ayat-ayat *tajassum* (bertubuh) yang menjadi perdebatan di kalangan ulama-ulama kalam pula, apakah nas-nas atau dalil-dalil yang menggambarkan bahawa Allah SWT mempunyai sifat-sifat jasmani cukup difahami dalam makna harfiahnya atau perlu ditakwilkan? Antara ayat-ayat yang membicarakan tentang perkara berikut ialah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Taha ayat 5:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Maksudnya: Iaitu Allah yang maha pemurah yang bersemayam di atas 'arsy.

Perkataan 'arsy" telah disebut di dalam al-Quran sebanyak 26 kali (Muhammad Fuad, 1992, ms. 456-457). Sheikh Al-Maraghi ketika menafsirkan ayat ini kelihatannya beliau sependapat dengan pendapat Muktaizilah yang menyatakan bahawa Allah s.w.t tidak boleh dikatakan mempunyai sifat-sifat jasmani. Hal ini disebabkan Allah s.w.t tidak berjirim. Penafsiran Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi tentang ayat-ayat yang mengandungi perkataan "arsy" secara bahasanya beliau tafsirkan dengan "tiap-tiap sesuatu yang mempunyai atap". Menurut beliau perkataan itu juga membawa erti singgahsana raja dan kerusinya dalam majlis pemerintahannya atau tahta kerajaannya. Manakala perkataan "istawā" pula menurut beliau secara bahasanya adalah tetap dan berdirinya sesuatu dengan lurus. Maka jika dikatakan "istawā al malik 'alā 'arsyihī" maka ia memberi erti "raja menguasai kerajaannya (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 3, ms. 168-169).

Namun begitu apabila perkataan "istawā" ini dinisbahkan kepada Allah s.w.t kelihatan Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi keberatan untuk menakwilkannya, namun begitu beliau juga tidak mahu memberi erti secara harfiahnya. Hal ini dapat dilihat ketika mana beliau menafsirkan ayat yang ke 54 surah Al-A'raf.

Beliau menafsirkan dengan katanya bahawa *istiwā* Allah s.w.t di atas ‘*arsy* ialah tetap berdirinya langit dan bumi dan Allah s.w.t yang mengatur keduanya. Namun bagaimana hakikat dan caranya Allah SWT mengurus dan mengatur keduanya tidak perlu dipersoalkan. Sebagai orang yang beriman wajib mempercayainya. Bagi menguatkan pendapatnya itu beliau menukil pendapat Rabi’ah, seorang guru Imam Malik yang pernah ditanya berkaitan pengertian ayat “*istawā ‘ala arsy*”. Bagaimana *istawā* Allah s.w.t itu? Beliau menjawab *istawā* sudah diketahui caranya diluar jangkauan ‘akal, risalah telah datang dari Allah s.w.t, tugas rasul menyampaikannya sedangkan kita wajib mempercayainya dan membenarkannya.

Bagi menguatkan lagi pendapatnya ini beliau juga menukilkan pendapat Al-Hafiz ibn Katsir yang menyatakan bahawa “Mazhab salaf, Imam Malik, Al-Auza’i, Al-Tsauri, Al-Laits ibn Sa’ad, Imam Syafi’e, Ahmad Ishak ibn Rahawaih dan lain-lainnya di kalangan ulama-ulama mutaqqaddimin dan muhaddithin telah menerima pengertian *istawā* Allah s.w.t adalah sebagaimana adanya dengan tidak bertanya bagaimana caranya dan tidak pula menyerupakannya dengan manusia”. Beliau juga menukilkan pendapat Na’im ibn Hammad, guru Imam Bukhari yang berpendapat bahawa “Barangsiapa yang menyerupakan Allah s.w.t dengan makhlukNya maka ia telah kafir, barangsiapa yang mengingkari apa yang disifatkan Allah s.w.t tentang diriNya juga kafir, hal ini disebabkan sifat-sifat yang disebutkan Allah SWT dan rasul tentang diriNya bukanlah *tasybīh*”.

Hal ini menunjukkan Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi kelihatannya lebih cenderung untuk tidak menakwilkan kata *istawa* yang dinisbahkan kepada Allah s.w.t. Namun begitu beliau juga tidak mahu terjebak dalam *tasybīh* iaitu dengan menyerupakan sifat-sifat Allah s.w.t dengan makhluk. Pendapat-pendapat para ulama tersebut telah menjadi dasar pendiriannya dalam hal ini.

Dalam ayat lain yang berkaitan ayat-ayat *mutasyābihāt*, Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi tidak menafsirkannya secara harfiahnya bahkan ditakwilkannya kepada makna yang lain sesuai dengan kesucian Allah s.w.t dari sebarang sifat yang tidak layak bagiNya sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah Taha ayat 39:

أَنْ أَفْذَرِيهِ فِي التَّابُوتِ فَأَفْذَرِيهِ فِي الْيَمِّ فَلْيُلْقِهِ الْيَمُّ بِالسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوٌّ لِي وَعَدُوٌّ لَهُ وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً مِّنِّي وَلِتُصْنَعَ عَلَى عَيْنِي

Maksudnya: Letakkanlah anakmu di dalam peti, kemudian lepaskanlah peti itu ke laut, maka biarlah laut itu membawanya terdampar ke pantai, supaya dipungut oleh musuhKu dan musuhnya; dan Aku telah tanamkan dari kemurahanKu perasaan kasih sayang orang terhadapmu; dan supaya engkau dibela dan dipelihara dengan pengawasanKu.

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi menafsirkan perkataan ‘ain’ (mata) dengan makna pemeliharaan dan pengawasan. Iaitu supaya kamu Musa dididik di bawah pemeliharaanKu (Allah), Aku adalah pemelihara dan Pengawasmu sebagaimana seseorang mengawasi sesuatu dengan kedua matanya bila ia sangat memperhatikannya. Begitu juga perkataan ‘a’yunina” dalam surah al-Mu’minun ayat 27:

فَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ أَنْ اصْنَعِ الْفُلَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحَيْنَا فَإِذَا جَاءَ أَمْرُنَا وَفَارَ التَّنُّورُ فَاسْلُكْ فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجَيْنِ
اثْنَيْنِ وَأَهْلِكَ إِلَّا مَنْ سَبَقَ عَلَيْهِ الْقَوْلُ مِنْهُمْ وَلَا تُخَاطِبُنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُعْرِضُونَ

Maksudnya: Lalu Kami (Allah) wahyukan kepadanya (Nuh): "Buatlah bahtera di bawah pengawasan Kami (Allah) dan wahyu Kami (Allah). Maka apabila datang ketentuan Kami (Allah) dan “*tannur*” (sumber air) memancarkan air, maka masukkanlah ke dalamnya (bahtera itu) sepasang daripada tiap-tiap (jenis), dan (juga) keluarga engkau, kecuali orang yang telah didahului (oleh) perkataan (ketetapan) antara mereka. Dan janganlah engkau merayukan kepada Aku (Allah) untuk orang yang zalim, kerana sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan.

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi menafsirkannya dengan menyatakan bahawa ini adalah perintah Allah s.w.t kepada nabi Nuh a.s supaya beliau membuat bahtera di bawah pemeliharaan dan pengawasannya. Bahkan nabi Nuh diajar Allah secara langsung cara-cara membuat bahtera itu (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 6, ms. 19).

Perkataan ‘*wajh*’ dalam surah al-Qasas ayat 99 pula, Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi tidak mengertikannya dengan makna *muka* tetapi beliau mengertikannya dengan makna *zat* iaitu *zātullah* (zat Allah). Beliau menafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa segala sesuatu akan rosak binasa melainkan zat Allah s.w.t yang selalu kekal, berdiri dengan sendirinya, tidak mengalami kematian ketika semua makhluk mati. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. BagiNyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan).

Namun begitu, Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi tidak memberi makna perkataan *wajh* yang dinisbahkan kepada Allah SWT dengan makna *zāt* dalam semua keadaan. Kadangkala beliau memberikan makna *wajh* dengan makna *ridha*, sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah Al-Ra'du ayat 22:

وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرُؤُونَ بِالْحَسَنَةِ
السَّيِّئَةِ أُولَئِكَ هُمُ عُمَبَى الدَّارِ

Dalam ayat ini perkataan “*ibtighaawajhi rabbihim*” diterjemahkan dengan “*mencari keredhaan Tuhan mereka*” (Ahmad Mustafa al-Marāghi, jilid 10:180). Begitulah seterusnya dalam ayat-ayat yang lain yang mengandungi perkataan *wajh* yang dinisbahkan kepada Allah s.w.t, beliau tidak menterjemahkan secara harfiah makna *wajh* tersebut bahkan mentakwilkannya dengan makna yang lain yang sesuai dengan kebesaran dan kesucian Allah s.w.t.

Seterusnya perkataan “*yad*” yang secara bahasanya bermakna *tangan*. Namun perkataan ini apabila dinisbahkan kepada Allah SWT, Sheikh Ahmad Mustafa al-Maraghi tidak menterjemahkannya secara harfiahnya bahkan mentakwilkannya kepada makna yang lain yang sesuai dengan kebesaran Allah dan kesucianNya. Antaranya ialah perkataan *yadullāh* dalam surah al-Fath ayat 10 sebagaimana firman Allah s.w.t:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ
وَمَنْ أَوْفَى بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Nikmat Allah di atas mereka (dengan memberi petunjuk atas apa yang mereka lakukan berupa perjanjian). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.

Perkataan *yadullāh* diterjemahkan dengan *nikmat Allah*. Ayat ini adalah sebahagian daripada rangkaian ayat yang membicarakan tentang perjanjian *ridhwān* di Hudaibiah. Begitu juga dengan ayat-ayat lain yang di dalamnya mengandungi perkataan *yad*, beliau menterjemahkannya sesuai dengan kebesaran

dan keagungan Allah s.w.t. Antaranya di dalam surah Shād ayat 75 sebagaimana firman Allah s.w.t:

قَالَ يَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِإِيْدِيَّ اسْتَكَبَرْتَ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالِيْنَ

Maksudnya: Allah berfirman: “Hai Iblis! Apa yang menghalangmu daripada turut sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakan dengan kekuasaanKu? Adakah engkau berlaku sombong takbur, ataupun engkau dari golongan yang tertinggi? ”

Perkataan *yadayya* diterjemahkan dengan makna *qudrati* (kekuasaanKu) (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 8, ms. 137). Begitu juga dengan perkataan *aydīna* dalam surah Yasin ayat 71 sebagaimana firman Allah s.w.t:

أَوْمَرُوا بِرَوْا أَنَّا خَلَقْنَا لَهُمْ مِمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَا أَنْعَامًا فَهُمْ لَهَا مَالِكُونَ

Maksudnya: Tidakkah mereka melihat dan memikirkan, bahawa Kami telah menciptakan untuk mereka binatang-binatang ternak, di antara jenis-jenis makhluk yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami lalu mereka memilikinya?

Dalam ayat ini perkataan *aidīna* itu diterjemahkan dengan *qudratina wa irādatina* (kekuasaan dan kehendak Kami) (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 8, ms. 32). Begitu juga dengan perkataan *yamīnihi* dalam surah al-Zumar ayat 67 beliau tidak menterjemahkannya dengan tangan kanan Allah s.w.t bahkan menterjemahkannya dengan makna *qudratihī* (kekuasaannya). Firman Allah s.w.t:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعًا قَبْضَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالسَّمَاوَاتُ مَطْوِيَّاتٌ بِيَمِينِهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: Dan mereka (yang musyrik) tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang sewajibnya diberikan kepadaNya, sedang bumi seluruhnya - pada hari kiamat - dalam genggaman kuasaNya, dan langit tergulung dengan kekuasaanNya. Maha Sucilah Ia dan Tertinggi keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan.

Penafsiran Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi terhadap ayat-ayat *tajsīm* di atas menunjukkan bahawa pemikirannya sejajar dengan pemikiran kalam tradisional yang memahami nas-nas *tajsīm* tidak dari sudut makna harfiahnya bahkan difahami dari sudut makna metaforanya.

Seterusnya perkataan *ru'yah*. Sebagaimana dalam surah al-An'am ayat 103 sebagaimana firman Allah SWT:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Maksudnya: Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan Dialah Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi menyatakan bahawa mata manusia tidak mampu untuk melihat secara jelas hakikat Allah s.w.t. Ayat ini menurutnya bukanlah menafikan melihat Allah secara mutlak. Beliau berpendapat bahawa ketidakmampuan mata mencapai dan menangkap hakikat sesuatu bukan bermaksud tidak boleh melihatnya secara mutlak. Hujah beliau ialah perkataan *al idrāk*. *Al-idrāk* menurut beliau ialah bertemu dan sampai kepada sesuatu. Oleh itu perkataan *al-idrāk* (menangkap hakikat) adalah jauh lebih tinggi dari kata *ru'yah* (melihat dengan mata) menurut pendapatnya. Oleh hal yang demikian ayat ini tidak bertentangan dengan hadis-hadis sahih yang menyatakan bahawa orang-orang yang beriman akan melihat Tuhannya akhirat kelak (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 3, ms. 207).

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi dalam menafsirkan ayat yang ke 143 dari surah Al-A'raf pula berpendapat ayat tersebut adalah dalam konteks kehidupan di dunia bukan di akhirat sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي أَنْظُرْ إِلَيْكَ قَالَ لَنْ نَرَاكِ إِلَّا فِي الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَانِي فَلَمَّا تَجَلَّى رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَى صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Dan tatkala Musa datang untuk (munajat dengan Kami) pada waktu yang telah Kami tentukan dan Tuhan telah berfirman (langsung) kepadanya, berkatalah Musa: "Ya Tuhanku, nampakkanlah (diri Engkau) kepadaku agar aku dapat melihat kepada Engkau". Tuhan berfirman: "Kamu sekali-kali tidak sanggup melihat-Ku, tapi lihatlah ke bukit itu, maka jika ia tetap di tempatnya (sebagai sediakala) niscaya kamu dapat melihat-Ku". Tatkala Tuhannya menampakkan diri kepada gunung itu, dijadikannya gunung itu hancur luluh dan Musa pun jatuh pingsan. Maka setelah Musa sedar kembali, dia

berkata: "Maha Suci Engkau, aku bertaubat kepada Engkau dan aku orang yang pertama-tama beriman".

Menurut Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi nabi Musa juga termasuk di kalangan manusia-manusia lain yang tidak mampu melihat Allah s.w.t secara langsung di dunia ini. Untuk membuktikan ketidakmampuan itu Allah s.w.t menyuruh nabi Musa melihat ke arah gunung jika sekiranya gunung tersebut masih ada di tempatnya maka nabi Musa akan dapat melihat Allah s.w.t. Namun tatkala Allah s.w.t menampakkan dirinya di gunung tersebut tiba-tiba gunung itu menjadi hancur dan sama rata dengan bumi dan Nabi Musa penganan seperti di sambar petir. Kalau gunung yang begitu kuat tidak dapat menerima *tajalli* Allah s.w.t maka sudah tentu manusia yang lemah ini tidak akan mampu melihat Allah s.w.t (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 3, ms. 57-58).

Seterusnya bagaimana pula konsep *kalam Allah* menurut Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi? Adakah *kalam Allah* atau al-Quran ini bersifat *qadīm* (sedia ada) atau *hādīs* (baharu). Adakah ia tergolong dari sifat-sifat Allah s.w.t atau perbuatannya? Dalam menafsirkan ayat-ayat berkaitan yang menjadi dasar pegangan kepada aliran Muktazilah dan Asy'ariyyah, Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi ternyata tidak memahami ayat-ayat tersebut sebagaimana difahami oleh aliran-aliran tersebut. Ayat ke 2 dari surah Al-Anbiyā yang menjadi dasar aliran Muktazilah yang berpendapat bahawa Al-Quran ini baharu sebagaimana firman Allah SWT:

مَا يَأْتِيهِمْ مِّنْ ذِكْرٍ مِّن رَّبِّهِمْ مُّحَدَّثٍ إِلَّا اسْتَمَعُوهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ

Maksudnya: Tidak datang kepada mereka suatu ayat Al-Qur'an pun yang baru (di-turunkan) dari Tuhan mereka, melainkan mereka mendengarnya, sedang mereka bermain-main.

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi ketika menafsirkan ayat ini beliau memahaminya bahawa al-Quran yang baru diturunkan itu didengari oleh orang-orang kafir secara berolok-olok dan bermain-main. Jadi ayat ini bukan bermaksud al-Quran itu baharu bahkan menjelaskan bahawa ayat-ayat Al-Quran yang baru diturunkan (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 6, ms. 4-5).

Begitu juga dengan ayat 9 dari surah Al-Hijr sebagaimana difahami aliran Muktazilah bahawa Al-Quran dipelihara Allah SWT, setiap yang memerlukan pemeliharaan adalah baharu bukan *qadīm*. Firman Allah SWT:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan Al Qur'an, dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya.

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi tidak memahami ayat ini sebagaimana difahami oleh aliran Muktazilah bahawa al-Quran ini baharu bahkan menyatakan bahawa Allah s.w.t yang menurunkan al-Quran dan Allah s.w.t juga yang akan memeliharanya dari sebarang bentuk penambahan, pengurangan, perubahan, penukaran, pertentangan dan pembatalan. Ayat ini menurut beliau tidak membicarakan sedikitpun apakah al-Quran itu *hādīs* (baharu) atau *qadīm*.

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi juga tidak menafsirkan ayat-ayat yang menjadi dasar aliran Asya'ariyah bahawa Al-Quran itu *qadīm* sebagaimana yang mereka fahami. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah Al-Rum ayat 25:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ تَقُومَ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ تَخْرُجُونَ

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah berdirinya langit dan bumi dengan iradat-Nya. Kemudian apabila Dia memanggil kamu sekali panggil dari bumi, seketika itu (juga) kamu keluar (dari kubur).

Aliran Asyā'irah menafsirkan bahawa perkataan *biamrihi* itu bermaksud *kalām Allah* dan *kalām Allah* bukan makhluk, kerana makhluk itu sendiri tercipta dengan *kalām Allah*. Ini menunjukkan al-Quran itu *qadīm*. Menurut Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi ayat ini menunjukkan sebahagian dari kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t sesuai dengan kehendakNya dengan berdirinya langit dan bumi tanpa tiang dengan didiri dan diatur oleh Allah s.w.t. Menurut Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghi ayat ini tiada kaitannya dengan *hādīs* atau *qadīmnya* al-Quran bahkan beliau lebih cenderung untuk memahaminya dari sudut ilmu kosmologi dan astronomi. (Ahmad Mustafa, 1974, jilid 8, ms. 161-162).

Dapat difahami bahawa yang penting bagi umat Islam sekarang ini adalah tidak lagi memperdebatkan apakah al-Quran itu *hādīs* atau *qadīm* bahkan sepatutnya umat Islam lebih meyakini, mempelajari, memahami, menghayati dan mengamalkan isi kandungannya dalam kehidupan sehingga tercapainya kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.

ANALISIS TERHADAP PENAFSIRAN AL-MARĀGHĪ

Berdasarkan kepada huraian di atas, maka dapatlah dikatakan bahawa pemikiran Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī di dalam tafsirnya adalah lebih cenderung kepada aliran muktazilah rasional. Disebut rasional adalah kerana aliran ini dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan menyesuaikan dengan pendapat akal. Hal ini disebabkan Muktazilah memberikan akal kedudukan yang tinggi sedangkan aliran Asyā'irah meletakkannya wahyu dalam kedudukan yang lebih tinggi berbanding akal. Manakala Aliran Māturidiyyah pula mengambil posisi antara keduanya. Hal ini disebabkan kebanyakan masalah-masalah yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah dalam al-Quran kelihatannya lebih banyak persamaannya dengan pemikiran yang terdapat dalam aliran Muktazilah dan Maturidiyah Samarkand (sifat-sifat Allah s.w.t bukan sesuatu diluar *zāt*Nya, bukan pula sifat-sifat yang berdiri pada *zāt*Nya dan tidak pula terpisah dari *zāt*Nya). Sebaliknya sedikit sahaja persamaan dengan pemikiran kalam Asyā'irah dan Māturidiyah Bukhāra tradisional (lebih cenderung kepada pemikiran aliran Asyā'irah).

Jika dilihat dalam masalah *ru'yatullah* (melihat Allah), pemikiran Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī kelihatannya sejajar dengan aliran Asyā'ariyah, Māturidiyah Bukhāra dan Māturidiyah Samarkand bahawa Allah s.w.t dapat dilihat dengan mata kepala di akhirat nanti. Sedangkan dalam masalah *khalq al-Qurān*, Sheikh Ahmad Mustafa Al-Marāghī tidak membicarakannya; adakah al-Quran itu *hādīs* atau *qadīm* supaya para pembaca tidak terjebak dalam polemik lama yang sudah dikenali sejak sekian lama itu. Adapun selain daripada masalah tersebut, Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī kelihatannya sejalan dengan pemikiran kalam rasional terutamanya Muktazilah.

Dalam masalah ayat-ayat *mutasyābihāt* Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī memberikan penafsiran yang sama dengan penafsiran yang diberikan oleh aliran kalam rasional dalam empat isu iaitu memberikan pentakwilan terhadap perkataan *'ain*, *wajh*, *yad* dan *yamīn*. Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī tidak memahaminya secara harfiah bahkan memahaminya secara metaforanya. Manakala dalam menafsirkan perkataan *istawā 'ala 'arsy* pula kelihatannya Sheikh al-Marāghī agak keberatan untuk menakwilkannya lebih jauh tetapi tidak juga menyamakan *istiwā* Allah dengan *istiwa* manusia kerana ditakuti terjerumus kepada *tasybīh* dan *tajsīm*.

Secara rasionalnya, pemikiran kalam *Tafsir al-Marāghī* ini lebih cenderung kepada aliran Muktazilah. Pemikiran beliau sangat dipengaruhi oleh tafsir-tafsir yang ada sebelumnya terutamanya *Tafsīr al-Manār*. Hal ini disebabkan beliau adalah salah seorang murid Sheikh Muhammad Abduh yang sememangnya terkenal dengan rasionalnya itu. Bahkan Sheikh Sulaiman sebagaimana dikutip

oleh Harun Nasution meletakkan beliau sebaris dengan ulama-ulama Muktaẓilah (Harun, 1987, ms. 92).

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī juga dengan jelasnya menyatakan bahawa dalam penulisan tafsirnya ini, beliau banyak mengutip pendapat Sheikh Muhammad Abduh dan Sheikh Muhammad Rashid Reda dalam *Tafsīr al-Manār*. Pemikirannya yang terdapat dalam tafsirnya khususnya yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah merupakan sumbangan yang amat bernilai dan besar dalam rangka menumbuhkan sikap yang dinamis, aktif dan kreatif dalam diri umat Islam. Sikap sebegini amat diperlukan dalam era globalisasi ini yang mengejar kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi dalam pelbagai bidang kehidupan.

Pandangan Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī yang memberikan penghargaan kepada akal di samping tidak meminggirkan wahyu, pendiriannya tentang kebebasan manusia dalam berkehendak dan berbuat serta konsep sunnatullah yang ditonjolkannya dapat mendorong umat Islam untuk lebih berperanan aktif dalam pembangunan. Anggapan bahawa kaya dan miskin, pandai dan bodoh, maju dan mundur yang di alami manusia dalam kehidupan ini merupakan takdir dan nasib yang telah ditentukan Allah s.w.t perlu diubah kerana semuanya itu juga berkaitan dengan usaha dan ikhtiar manusia sesuai dengan akal fikiran dan daya yang diberikan oleh Allah s.w.t.

KESIMPULAN

Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī dalam tafsirnya menganalisis sifat-sifat Allah s.w.t yang ada di dalam al-Quran lebih cenderung dengan pemikiran Muktaẓilah. Semua sifat-sifat Allah adalah baik dan mengandungi kemaslahatan untuk semua umat manusia. Sekalipun Allah s.w.t maha Kuasa dan mempunyai kekuasaan yang penuh untuk melakukan apa yang dikehendakiNya, namun sifat Allah swt tersebut berdasarkan kebijaksanaan (*hikmah*) keadilan (*al'adlu*) dan kasih sayang (*al-Lutf*). Bukan seperti seorang raja yang diktator bahkan Allah SWT diibaratkan seperti raja sebuah konstitusi yang tunduk kepada konstitusi dan undang-undang yang dibuatNya sendiri. Selain itu, dalam permasalahan ayat-ayat yang berkaitan dengan *tajsīm* Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī memberikan penafsiran yang sama dengan penafsiran yang diberikan oleh aliran kalam rasional dengan mentakwilkan kata-kata '*ain*, *wajh*, *yad* dan *yamīn*. Beliau tidak menfsirkannya secara harfiah seperti yang dilakukan oleh aliran kalam tradisional. Seterusnya dalam menafsirkan perkataan *istawa 'ala 'arsy*, Sheikh Ahmad Mustafa al-Marāghī dilihat agak keberatan untuk mentakwilkannya lebih jauh tetapi tidak menyamakan *istiwa* Allah dengan *istiwa* manusia kerana bimbang terjerumus kepada *tasybīh* dan *tajsīm*. Pemikiran Imam al-Marāghī yang rasional itu adalah disebabkan beliau adalah salah seorang murid Sheikh Muhammad Abduh dan

mengakui bahawa dalam penulisan tafsirnya itu beliau banyak mengutip pendapat Sheikh Muhammad Abduh dalam *Tafsīr al-Manār*.

RUJUKAN

- Abdullah Muṣṭafā al-Maraghī. (1965). *Al-Fath al-Mubīn fī Ṭabaqāt al-Uṣūliyyīn*. Beirut, Lubnan.
- Abdul Djalal. (1985). *Ulum al-Quran*. Surabaya, Indonesia.
- Ahmad Fuad al-Ahwani. (1962). *Al-Falsafah al-Islamiyah*. Maktabah an-Nahdhah, Mesir.
- Ahmad Mustafa al-Marāghī. (1974). *Tafsir Al-Maraghī, jilid 1-10*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Aidil al-Nuwaihid. (1988). *Mu'jam al-Mufasirin min Sadr al-Islam hatta al-'Asr al-Hadir*. Muassasah al-Nuwaihid al-Saqafiyah, Beirut.
- Abu al-Fath Muhammad ibn Abd al-Karim Al-Syahrastani. (1967). *Al-Milal wa al-Nihal*. Kaherah, Mesir.
- Chua Yan Piaw. (2011). Kaedah penyelidikan, Edisi Pertama. Mc Graw Hill Education. Kuala Lumpur:
- Muhammad Fuad Abd al-Baqi (1992). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfazh al-Quran al-Karim*. Dar al-Ma'rifat, Beirut.
- Haron Nasution. (1972). *Teologi Islam*. UI-Press, Jakarta.
- Harun Nasution. (1987). *Akal dan Wahyu dalam Islam*. UI-Press, Jakarta.
- Harun Nasution. (1983). *Teologi Islam Aliran-aliran Sejarah, Analisa Perbandingan*. UI-Press, Jakarta.
- Imas Rosyanti. (2018). *Penggunaan Hadis dalam Tafsir al-Marāghī*. Jurnal Ilmu Hadis. Vol.2 (2018). 137-146.
- Muhammad Abduh. (1947). *Risalah Al-Tauhid*. Dar Al-Manar, Kairo.
- Muhammad Ismail Ibrahim. (1977). *Al-Quran wa I'kjazuhu al-Alami*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Ratnar Umar. (2018). *Jāmi' Al-Bayān 'An Ta'wil Āyi Al-Qur'an (Manhaj/Metode Penafsirannya)*. Jurnal al-Asas, Vol. I No. 2.
- Tatang Hidayat. (2018). *Analisis Terhadap Terbentuknya Mazhab Feqah, Ilmu Kalam dan Tasauf Serta Implikasinya dalam Membangun Ukhwah Islamiyyah Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan* Vol. 10, No. 2 (2018).
- Umar Ridha Kahhalah. (1961). *Mu'jam al-Muallifin*. Al-Hashimi Press, Damascus.
- Wolfson, H.A. (1976). *The Philosophy of The Kalam*, hlm. 206-207; *Philosophical Implication of The Problems of Divine Attributes in The Kalam*” dlm **JAOS** LXXIX hlm 73-80.
- Zarkāsyī, Muḥammad Badr al-Dīn al-. *al-Burhān fī Ulūm al-Qur'ān*, Mesir: 'Īsā al-Bābī al-Halabī, t.th